

# Bimbang setiap kali hujan lebat

Penduduk kesal masalah banjir yang dialami sejak 10 tahun lalu masih belum ada jalan penyelesaian

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

**KLANG** - "Boleh dikatakan setiap kali hujan, mesti kawasan ni ditenggelami air," itu antara luahan kecewa penduduk di kawasan perumahan Bandar Puteri, di sini.

Difahamkan, sudah lebih 10 tahun masalah banjir tidak selesai, malah semakin teruk sabin tahun sehinggalah setiap kali hujan lebat, mereka resah dengan keselamatan keluarga dan harta benda.

Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Puteri, Abd Rashid Abd Kadir, 62, berkata, sudah puas perkara ini diajukan kepada pihak pemaju dan pihak berkuasa tempatan (PBT), namun masalah itu masih tidak berkesudahan.

"Antara punca utama masalah banjir ini ialah keadaan longkang yang kecil dan tidak berfungsi dengan baik untuk mengalirkan air keluar terutama ketika hujan.

"Lebih memburukkan keadaan apabila ada pembinaan perumahan di kawasan sekitar Bandar Puteri me-

nyebabkan air di kawasan sekitar melimpah ke kawasan Bandar Puteri kerana longkang baru dibina lebih tinggi," katanya.

Abd Rashid berkata, sebelum ini penduduk dijanjikan pemaju bahawa masalah akan selesai dengan pembinaan sebuah kolam takungan khas untuk penduduk Bandar Puteri.

Namun katanya, kolam tadahan tersebut dilihat tidak diselenggara dengan baik bahkan sistem saliran ke kolam takungan tersekat dengan pembinaan longkang dan saliran baharu di kawasan berhampiran.



Hanya dalam masa setengah jam selepas hujan lebat, kawasan ini pasti ditenggelami air.



Air yang memenuhi kawasan garaj kereta di sebuah rumah penduduk selepas hujan.

"Kami pernah adukan hal ini kepada wakil rakyat kawasan ini, tapi sampai masih tak ada jalan penyelesaian.

"Kami sudah buntu untuk mengadukan masalah ini kepada siapa," katanya.

## Penduduk tanggung rugi

Sementara itu, penduduk, Mohdzul Anuar, 36, berkata, dia bimbang keselamatan keluarga dan penduduk di sini apabila binatang berbisa seperti ular ditemui dalam rumah selepas banjir, baru-baru ini.

"Bukan itu sahaja, setiap kali banjir, penduduk yang terlibat akan menanggung kerugian harta benda sekurang-kurangnya RM1,000 hingga RM1,500," katanya.

Tinjauan mendapati, rata-rata penduduk di sini mengakui sudah bosan dengan janji pelbagai pihak dan mahukan penyelesaian jangka panjang agar masalah banjir dihadapi selama lebih 10 tahun itu tidak lagi menghantui penduduk.

## Tambah kolam tadahan

Sementara itu, Adun Sri Muda, Suhaimi Shafiee ketika dihubungi semalam berkata, beliau maklum akan masalah yang dihadapi penduduk Bandar Puteri dan pihaknya kini dalam proses membina beberapa lagi kolam tadahan bagi mengatasi masalah



Penduduk terpaksa menanggung kerugian harta benda setiap kali kawasan rumah ditenggelami air.

banjir di Klang.

Beliau berkata, sebelum ini kerajaan membina satu kolam tadahan banjir di Taman Botani, di sini, namun masih tidak dapat mengatasi masalah banjir.

"Dalam Belanjawan 2016 yang dibentangkan pada November 2015, saya usulkan untuk dibina beberapa kolam tadahan di sekitar Kg Johan Setia, Kg SC dan Bukit Naga. Sehingga hari ini proses pembinaan sedang dijalankan," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR)

perlu memainkan peranan masing-masing dalam menangani masalah berkenaan.

"Dalam hal ini, saya melihat Sungai Aur yang semakin sempit sudah tidak mampu menampung aliran air sewaktu hujan. Selain itu, proses memperdalam sungai ini pula haruslah bermula dari Kg Pendar dan Pelabuhan Klang untuk kesan jangka panjang.

"Pihak JKR pula perlu menaik taraf Jalan Klang-Banting khususnya di sekitar jambatan menghala Taman Desawan dan simpang ke Johan Setia yang sekarang ini dipenuhi bongkah-bongkah batu yang sedikit sebanyak menghalang aliran air.

"Majlis Perbandaran Klang (MPK) juga harus mengawal pelan pembangunan di kawasan terlibat untuk memastikan ada jalan keluar bagi masalah banjir ini," katanya.

Suhaimi berkata, beliau akan mengadakan perbincangan bersama wakil persatuan penduduk, pihak JPS serta ahli majlis kawasan yang terlibat untuk duduk bersemuka berbincang mengenai masalah berkenaan dalam masa terdekat.

Sementara itu, *Sinar Harian* cuba menghubungi pihak MPK serta pemaju, namun gagal.



Penduduk perumahan Bandar Puteri memohon pihak bertanggungjawab mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah kawasan mereka sering ditenggelami air setiap kali hujan lebat.